

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN KASTHURIRAAANI A/P PATTO  
[ BATU KAWAN ]**

**TARIKH : 20 MAC 2019 (RABU)**

**SOALAN NO. 17**

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah pendekatan dan langkah penyelesaian yang akan diambil oleh Kerajaan untuk menangani masalah kesihatan mental yang dihadapi oleh ramai rakyat Malaysia memandangkan nisbah pakar psikiatri kepada pesakit adalah 1:100,000 walhal ianya sepatutnya 1:10,000 dan adakah Kerajaan bercadang untuk mengenakan subsidi atau pengurangan kos perubatan bagi pesakit kesihatan mental ini.

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

Sehingga November 2018, terdapat seramai 194 orang Pakar Perubatan Psikiatri dan Kesihatan Mental di seluruh negara. Jumlah ini telah menunjukkan peningkatan sebanyak 24% berbanding pada tahun 2014 iaitu sebanyak 153 orang Pakar Perubatan Psikiatri dan Kesihatan Mental.

Antara usaha yang telah diambil Kerajaan untuk meningkatkan lagi bilangan Pegawai Perubatan Psikiatri dan Kesihatan Mental adalah seperti berikut:

- i. Meningkatkan slot tajaan biasiswa Hadiah Latihan Persekutuan untuk program sarjana perubatan dan sub kepakaran bagi bidang Psikiatri daripada 39 slot pada tahun 2013 kepada 66 slot pada tahun 2017 dan mengunjurkan sehingga tahun 2025;

- ii. Menggalakkan Pegawai Perubatan yang berminat untuk menjadi pakar menjalani latihan kepakaran bagi bidang Psikiatri melalui program laluan paralel *MRCPsych* (dengan izin);
- iii. Melantik semula secara kontrak Pakar Perubatan warganegara yang telah bersara wajib untuk berkhidmat dengan KKM mengikut keperluan; dan
- iv. Menggalakkan Pakar Perubatan warganegara Malaysia yang berkhidmat di luar negara untuk pulang ke tanah air.

**Yang di-Pertua,**

Selain dari mengatasi masalah kekurangan pakar psikiatri, KKM juga telah mengambil pendekatan dan langkah penyelesaian menangani masalah kesihatan mental melalui;

**Perkhidmatan Kesihatan Primer**

- i. KKM menyediakan perkhidmatan kesihatan mental di 958 buah klinik-klinik kesihatan meliputi aktiviti promosi dan pengesanan awal melalui saringan untuk mengesan awal tahap stres, keresahan dan kemurungan. Pada masa ini pihak KKM sedang menyediakan cadangan untuk meningkatkan perkhidmatan kaunseling melalui perkhidmatan psikologi kaunseling;

**Pelaksanaan Program Minda Sihat di Sekolah**

- i. Program Minda Sihat sekolah dijalankan secara kolaborasi bersama Kementerian Pendidikan bagi pelajar tingkatan 4 dengan menjalankan saringan pengesanan awal DASS (Depression, Anxiety and Stress Scale) untuk mengetahui status kesihatan mental.

**Program dan Fasiliti Kesihatan Mental Untuk Masyarakat**

- i. Melalui Program Kesihatan Mental Komuniti, perkhidmatan kesihatan mental di klinik-klinik kesihatan yang diberikan meliputi aktiviti promosi dan pengesanan awal melalui saringan untuk mengesan awal tahap stres, keresahan dan kemurungan; dan
- ii. Kementerian telah mewujudkan sebanyak 32 Pusat Kesihatan Mental Masyarakat (MENTARI) di seluruh Malaysia dengan 10 daripadanya masih dalam proses pewartaan bagi memberi perkhidmatan saringan, pengesanan awal, rawatan dan rehabilitasi pesakit mental di peringkat komuniti.

**Yang di-Pertua,**

Buat masa ini, isu bagi mengenakan subsidi atau pengurangan kos perubatan bagi pesakit kesihatan mental belum lagi dibincangkan di peringkat KKM, ini memandangkan caj rawatan pesakit luar (bagi satu lawatan) termasuk segala siasatan dan ubat-ubatan hanyalah RM1.00 dan ini termasuk rawatan di Hospital Besar, Hospital Daerah dan Klinik Kesihatan.

Bagi kes rujukan kepada klinik pakar psikiatri pula, caj bagi satu rawatan dengan rujukan daripada pegawai perubatan kerajaan adalah percuma bagi lawatan pertama, dan hanya RM5 untuk setiap "*follow-up*" (termasuk segala siasatan dan ubat-ubatan). Jika rujukan daripada Pengamal Persendirian (*general practitioner* atau hospital swasta) caj adalah RM30 bagi lawatan pertama, RM5 untuk setiap "*follow-up*" (tidak termasuk siasatan). Bagi golongan kurang upaya, penerima bantuan kebijakan, pelajar sekolah serta penderma darah dan organ, mereka diberikan pengecualian caj rawatan.

Sekian, terima kasih.